

Tomei buka tiga cawangan akhir tahun ini

Kuala Lumpur: Tomei Consolidated Berhad (Tomei) akan membuka tiga lagi cawangan akhir tahun ini, menjadikan jumlah keseluruhannya 54 cawangan di seluruh negara.

Penolong Pengurus Besar Operasi Runcit Tomei Mary Lu berkata, pihaknya mengenal pasti tiga lokasi terabit iaitu dua di Alor Setar (Alam Sentral) dan Kelebang, Ipoh pada bulan lalu.

“Manakala satu lagi cawangan akan dibuka di Kuching (Viva Mall) bulan ini menjadikan jumlah keseluruhan di Sarawak empat rangkaian.

“Bagi tahun depan, kami belum memuktamadkan berapa cawangan baru yang akan dibuka kerana ia bergantung kepada lokasi dan keadaan, namun setiap tahun Tomei akan membuka minimum tiga cawangan,” katanya selepas majlis penyampaian hadiah Peraduan Momeno Aidilfitri Bersama Tomei & Harian Metro di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, Tomei menjangka jualan bagi suku keempat tahun ini lebih baik



LU

disumbangkan oleh jualan emas kerana setakat ini, barang kemas itu menjadi penyumbang terbesar iaitu lebih kurang 60 peratus berbanding berlian.

Beliau berkata, walaupun dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April lalu, Tomei masih mencatatkan pertumbuhan jualan yang stabil.

“Pada April dan Mei, jualan perlahan mungkin kerana orang ramai mengambil langkah berjaga-jaga, tetapi selepas itu jualan naik seperti biasa,” katanya.